

12/07/2003

Angin perubahan mula landa Putrajaya

Mohd Azlan Jaafar

JIKA anda melekapkan telinga ke cermin yang tebal sambil menutup mata, anda akan terdengar hembusan lembut angin seperti berada di pantai pada waktu malam. Ketika ini, jika anda `mendengar' dengan teliti, akan terngiang-ngiang angin perubahan.

Sejak pengumuman peletakan jawatan dalam politik dan kerajaan oleh Presiden Umno dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Jun tahun lalu dan pengesahan bahawa beliau akan meninggalkan Kompleks Seri Perdana selepas Oktober ini, angin perubahan sudah dirasai.

Belum pun sampai akhir Oktober, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sudah melepaskan jawatan Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan akhir Mei lalu.

Akhir bulan lalu, Datuk Amar Leo Moggie mengemukakan surat peletakan jawatan Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS). Peletakan jawatan itu diterima Barisan Nasional (BN) tetapi kedudukannya sebagai Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dikekalkan. Mungkin sehingga pilihan raya umum akan datang.

Minggu ini, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, menyatakan beliau sudah lama mahu bersara daripada politik dan kerajaan. Kini tinggal masa sesuai orang lain mengambil tempatnya.

Semua pengumuman ini `mewarnai' politik tanah air. Spekulasi mengenai pengganti dan orang baru untuk mengambil tempat yang akan dikosongkan mendapat perhatian. Malah, pertubuhan yang dikatakan mempunyai kaitan dengan Putrajaya turut dikaitkan dengan spekulasi angin perubahan.

Sukar untuk menggambarkan keadaan selepas ribut. Tetapi menghadiri sidang akhbar pasca Kabinet Menteri Pengangkutan yang baru, Datuk Chan Kong Choy, minggu lalu memberikan sedikit gambaran kesan angin perubahan.

Pejabat Menteri Pengangkutan tetap sama di Tingkat 7, Parcel D, Putrajaya. Tetapi bilik menunggu yang sering menjadi tumpuan wartawan sudah berbeza. Tiada lagi gambar yang biasa menghiasi dinding bilik itu.

Di bilik menteri, kedudukan meja menteri yang sebelum ini menghadap pintu sudah berubah. Kini ia di tengah-tengah. Chan turut bertanya bagaimana perubahan kedudukan meja itu sama ada disukai wartawan.

Tiada juga gambar atau patung kuda yang sering menjadi bahan jenaka kerana dilanggar seorang jurugambar ketika sidang akhbar Dr Ling sebelumnya.

Menteri Pengangkutan yang baru bagaimanapun berjaya memenuhi peranan barunya tanpa rasa kekok dalam persekitaran dan pejabat baru. Satu-satu persamaan yang mungkin mengaitkan Chan dan Dr Ling adalah kedua-duanya dilahirkan pada tahun kambing. Ada imej kambing pada meja Chan.

Kadang kala perubahan tidak dapat dielakkan. Mungkin keselesaan kepada yang sama menyebabkan perubahan sukar. Kegusaran kepada perubahan itu akan lebih nyata menjelang Oktober ini.

Seperti dinyatakan Perdana Menteri, pada tahap tertinggi dalam kerjaya politiknya, beliau sedia meletakkan jawatan. Ini juga bermakna mereka yang tidak ke mana-mana dalam pencapaian dan sumbangan perlu lebih sedia meletakkan jawatan.

Dengan kedatangan pilihan raya umum, lebih banyak perubahan dijangkakan. Ini mengingatkan kita kepada satu iklan televisyen mengenai haruman dalam kereta yang menyatakan, "It is not the destination but the journey that matters." (Bukan destinasi tetapi perjalanan yang penting). Mungkin iklan itu tidak menyatakan sejauh mana seseorang menghargai perjalanan menggunakan kereta usang berusia 30 tahun dengan kipas yang diletakkan di

dashbod.

Untuk sesetengah pemimpin, perjalanan itu sukar dan lama untuk sampai ke destinasi kini.

Bagaimanapun, apa yang pasti, syarikat pengangkut barangan peribadi dan pejabat (movers) akan sibuk ke destinasi pejabat-pejabat kerajaan selepas pilihan raya kali ini. Itu adalah kesan angin perubahan.